

SINARAN

Raja
MELAKA



oleh :

IZHAB ISMAIL.

KATA-KATA PENDAHULUAN.

Buku cherita lakunan ini ada-lah di-terbitkan dengan tujuan menambah lagi buku bacaan'rumi kita.

Cherita-nya ada-lah di-petak dari buku sejarah Melayu yang terkenal, bernama "SEJARAH MELAYU". Karangan-nya sengaja di-ringankan supaya dapat-lah di-bacha dengan mudah dan senang oleh murid2 sekolah Melayu dalam darjah III.

Dan lagi boleh juga menjadi bacaan orang2 daripada bangsa asing yang hendak meninggikan lagi bahasa Melayu-nya Sa-telah ia tammat darjah yang kedua dalam bahasa Melayu.

Mudah2an dapat sambutan yang ramai.

IZHAB BIN ISMAIL,
(Penulong Nadzir Seberang Prai).

Bagan Tuan Kechil,
1 May 1956.

楊其德
Yang Quee Yee



YANG QUEE YEE

~~111, ROBINSON ROAD~~
~~SINGAPORE 21~~

R A J A M E L A K A .

Cherita lakunan ini telah di-petek dari kitab Melayu yang bernama "Sejarah Melayu" sa-buah kitab sejarah yang tertua sa-kali di-Semenanjung kita ini.

RENGKASAN CHERITA LAKUNAN-NYA.

LAKUNAN I.

Sultan Mansor Shah, Sultan Melaka telah ber-muafakat dengan isteri-nya Radin Galoh Chandra Kirana, serta dengan orang besar-besar-nya Dato' Bendahara dan Dato' Menteri hendak merajakan anakanda baginda Radin Di-Kelang di-Melaka menggantikan baginda.

LAKUNAN II.

Radin Di-Kelang bermain-main di-Kampung Keling dengan pengiring-pengiring-nya. Tiba-tiba Kelihatan orang berlari ka-sana sini kerana orang gila mengamok dan banyak telah mati di-tikam-nya. Pengiring-pengiring Radin Di-Kelang semua-nya melarikan diri masing-masing, tinggal ia sa-orang juga menghunus keris-nya menanti orang gila itu. Sa-telah sampai orang gila itu berdiri di-hadapan-nya, maka kedua-nya pun bertikam-tikaman. Akhir-nya sama menikam sama kena dada, mati kedua-dua-nya. Ayahanda-nya Sultan Melaka telah di-beri tahu. Baginda sangat-lah masghul-nya, tetapi apa hendak di-katakan. Mayat-nya telah di-bawa ka-istana dan pada keesokan hari-nya telah di-kebumikan.

LAKUNAN III.

Sa-telah beberapa lama-nya datang-lah peridaran dunia, maka Sultan Mansor Shah pun gering-lah. Telah di-ketahui-nya oleh baginda diri-nya akan kembali, maka baginda pun menyuroh memanggil anakanda baginda Raja Hussein, Dato' Bendahara dan Dato' Menteri. Sa-telah berhimpun semua-nya maka berwasiat-lah baginda, mem-pertarohkan anakanda baginda Raja Hussein itu kepada Dato' Bendahara dan Dato' Menteri. Beberapa ketika kemudian maka Sultan Mansor Shah pun mangkat-lah.

LAKUNAN IV.

Apabila sampai masa-nya maka Raja Hussein pun telah di-angkat menjadi Sultan di-Melaka, bergelar Sultan 'Alauddin Riayat Shah. Baginda beristerikan Tun Nacha anak Seri Nara Di-Raja. Pada masa baginda itu me-merentah penchuri terlalu-lah buas di-dalam negeri Melaka itu, hinggakan orang kehilangan barang-barang tiada ber-henti lagi sentiasa malam. Maka bermashuarat-lah baginda dengan orang besar-besar-nya bagaimana hendak menangkap penchuri-penchuri itu. Kesudahan-nya baginda mengambil keputusan menyamar diri pada malam hari, menangkap dan mengusir penchuri-penchuri itu. Di-tahan oleh Dato' Bendahara, tetapi baginda menetapkan juga tujuan-nya.

LAKUNAN V.

Pada suatu malam keluar-lah baginda di-iringkan oleh Tun Isap dan Tun Siak menyamakan diri masing-masing sa-bagai penchuri kerana hendak menchuri penchuri yang mengganas itu. Maka bertemu-lah baginda dengan lima orang penchuri mengusong sa-buah peti. Tiga orang penchuri itu chuba hendak melawan, lalu di-bunoh oleh baginda dengan Tun Isap dan Tun Siak. Yang dua orang lagi itu lari tetapi dapat di-tangkap lalu di-bawa ka-penjara. Harta yang telah di-perolehi dari penchuri-penchuri itu, kemudian, telah di-pulangkan kapada orang yang empunya-nya. Sekian-lah perbuatan Sultan Melaka sa-bilang malam.

LAKUNAN VI.

Dato' Bendahara dan Dato' Mentri telah menyembahkan kapada baginda ia-itu orang-orang di-Melaka tidak lagi bergaduh akan kehilangan barang-barang sudah beberapa minggu. Mereka menguchapkan terima kaseh kapada baginda kerana usaha dan tenaga baginda membantukan pekerjaan penchuri-penchuri itu, dan memulehkan sa-mula keamanan di-Melaka.

TAMMAT.

LAKUNAN I.

Ahli-ahli Pelakun.

Sultan Mansor Shah, Sultan Melaka.

Raja Perempuan-nya. Radin Galoh Chandra
Kirana.

Bendahara

Menteri

Inang (Sa-orang)

Tirai di-buka. Pemandangan di-dalam sa-buah bilek di-istana Sultan Mansor Shah Melaka. Baginda sedang berjalan hilir mudik perlahan-lahan dan Raja Perempuan sedang menuji, dudok dekat dengan geta peraduan.

R. Perem. Kekanda, apa-kah yang kekanda fikirkan itu ? Ada-kah sa-suatu hal yang tidak baik di-dalam negeri kita yang agak merunsing dan menchemaskan fikiran kekanda ? (Baginda berjalan ka-jendela dan memandang ka-luar. Diam ta'berkata apa-apa).

R. Perem. Mengapa tuanku ? Ta' boleh-lah patek mengetahui hal itu ? Ta' layak-kah patek ini menchampuri diri untok merombak simpulan yang kusut itu ?

Sultan. (Mendekati Raja Perempuan) Adinda ku yang di-kasehi, besar sungguh perkara yang kekanda sedang fikirkan ini. Bagini adinda. Kekanda ini sudah tua dan agak-nya ta' lama lagi harus akan meninggalkan dunia ini. Apa-lah hal adinda ini kelak, dan betapa pula hal-nya anakanda kita yang maseh budak lagi itu.

Kekanda berfikir hendak merajakan anakanda kita Radin Di-Kelang di-Melaka ini sa-bagai ganti kekanda. Apa kata adinda dalam hal ini ?



Baginda sedang berjalan-jalan hilir mudek
Raja Perempuan sedang duduk.

R. Perem. Entah-lah tuanku. Mati itu satu perkara, menjadi raja itu satu perkara lain. Remok rasa-nya hati adinda manakala kekanda terkenang hendak meninggalkan adinda. Di-mana-lah kelak adinda hendak bergantung diri. (Ia menangis, kemudian mengesat ayer mata di-pipi-nya).

Sultan. Jangan adinda menyusahkan hati bagitu.

R. Perem. Bagaimana tidak tuanku. Isteri mana yang tidak sedah di-dalam hal yang demikian ?

Sultan. Paham-lah kekanda. (Diam sa-bentar. Dudok di-atas geta) Tetapi bagaimana pula fikiran adinda kalau kita rajakan anakanda kita itu.

R. Perem. Tentang hal itu lebeh baik-lah kekanda bermashuarat terlebih dahulu dengan Dato' Bendahara dan Dato' Menteri kita, sa-belum mengambil keputusan apa-apa.

Sultan. Kalau bagitu kata adinda, baik-lah, biar kekanda jemput Dato' Bendahara dan Dato' menteri ka-mari. (Bangun dan mentepok tangan. Masok sa-orang Inang). Beri tahu Bentara, jemputkan Dato' Bendahara dan Dato' Menteri ka-astana.

Inang. Tuanku. (Menyembah lalu ka-luar).

Sultan. Benar sangat kata adinda itu ; sa-patut-nyalah kita berbichara dengan Dato' Bendahara dan Dato' Menteri, orang besar-besar kita yang ta'at setia itu dalam hal ini. Nanti kita tanya bagaimana fikiran masing-masing. (Masok inang)

Inang. Ampun tuanku, Dato' Bendahara dan Dato' Menteri di-luar menunggu hendak masok mengadap.

Sultan. Persilakan mereka masok. (Inang menyembah dan ka-luar. Kemudian masok Dato' Bendahara dan Dato' Menteri ; mereka menyembah).

Sultan. Dato' kedua, ma'afkan beta kerana dengan tersera-sera menjemput dato' ka-mari. Silalah dudok dato.'

(Mereka dudok). Sultan dudok di-atas geta peraduan).

Sultan. Dato', beta rasa beta ini ta'dapat lagi hendak menunaikan kewajipan beta sa-bagai sa-orang raja yang memerintah dengan sempurna-nya, kerana terlalu-lah dza'if^m rasa-nya tuboh badan beta. (Baginda diam sa-bentar).

Apa fikiran dato' kedua jika anakanda beta Radin Di-Kelang itu di-angkat menjadi raja buat menggantikan beta? Beta dan Raja Perempuan minta bichara Dato' di-dalam hal ini. Berterus terang-lah dato' kapada beta supaya beta dengar. Jangan satu perkara juga pun yang tersembunyi mahu pun baik atau jahat-nya.

Bendahara. (Menyembah) Daulat tuanku bertambah daulat, chadangan tuanku hendak meninggalkan takhta kerajaan ini sangat-sangat-lah menyusahkan hati patek ini. Tentang anakanda Radin itu pula, pada pendapatan patek amatlah di-kasehi oleh hamba ra'ayat tuanku kerana ramah tamah-nya dan baik budi pekerti-nya.



Mereka dudok ; Sultan dudok di-atas geta peraduan.

Sultan. Terima kaseh Dato' Bendahara. Dato' Menteri bagaimana pula ?

Menteri. Ampun tuanku, suggoh-lah saperti kata Dato' Bendahara tadi. Jikalau tuanku tinggalkan patek sekalian kelak, maka jadi-lah patek sekalian sa-bagai anak ayam tidak beribu. Berkenaan dengan anakanda Radin Di-Kelang itu, hamba ra'ayat semua sentiasa memuji akan anakanda itu ; tidak ada satu pun kesalahan-nya kapada ra'ayat ; tambahan pula dengan baik paras dan sikap-nya tiada dapat di-bandingkan lagi, tuanku.

Sultan. Kalau bagitu kata dato' kedua, layak benar-lah nampak-nya anakanda kita itu mengganti-kan tempat beta kelak.

Bendahara. }
Menteri. } (Menyembah, ta' berkata apa-apa.

Sultan. Sa-minggu lagi boleh-lah kita mashuaratkan
bila patut kita rajakan anakanda kita itu.

TUTUP. TIRAI.

LAKUNAN II.

Ahli-ahli Pelakun

Radin Di-Kelang

Ahmad (Sa-orang daripada pengiring-nya)

Pengiring-pengiring Radin Di-Kelang. (3 orang)

Orang-orang Kampong Keling.

Orang gila.

Sultan Melaka

Dato' Bendahara

Dato' Menteri

Dua Orang pengiring Sultan Melaka.

Tirai di-buka. Pemandangan di-Kampong Keling. Radin Di-Kelang masuk di-iringi oleh empat orang. Kemudian mereka bermain sepak raga.

Radin. Ah, ini dia tempat-nya. Mari-lah kita bermain sepak raga di-sini.

(Mereka bermain. Sa-jurus kemudian terdengar bunyi orang-orang menjerit dan kemudian kelihatan orang berlari ka-sana sini. Radin Di-Kelang dengan rakan-rakan-nya berhenti bermain).



Mereka bermain sepak raga.

- Radin. Mengapa orang-orang ini berlari-larian ?
- Ahmad. Entah-lah tuanku, nanti patek tanya. (Ia menyekat sa-orang dan bertanya). Mengapa orang kampung ini riuh-rendah berlari ka-sana sini, macham orang ketakutn ?
- Orang kampung. (Terhungkap-hungkap) Orang... orang...g.. gila mengamok. Dia sekarang menuju kamari. Lekas, mari kita lari.
- Ahmad. Orang gila mengamok, tuanku ; mari kita lari, lekas, tuanku. (Ahmad dan tiga orang lagi itu lari ka-luar, tinggal Radin sa-orang diri berdiri di-situ. Kemudian masok orang gila, lalu menikam Radin. Ia Mengelakkan tikaman itu, dengan serta-merta menchabut keris-nya. Kemudian mereka bertikamtikaman. Akhir-nya sama menikam sama kena dada, kedua-nya mati).
(Masok Sultan Melaka bertongkat di-iringi oleh Dato' Bendahara, Dato' Menteri dan pegawai-pegawai-nya.
- Sultan. (Mendapatkan anak-nya) Bagini rupa-nya ajal mu Radin. Ta' mengapa, mati mu kerana menjalankan kewajipan mu ; engkau berjaya Radin. Apa boleh buat sudah takdir Ilahi. Dato' Bendahara, bawa-lah mayat-nya ka-astana besok kita kebumikan-lah.
- Bendahara. (Menyembah) Tuanku.

TUTUP TIRAI.



Orang gila Mengamok.

LAKUNAN III

Ahli-ahli Pelakuan.

Sultan Melaka. Sultan Mansor Shah.

Raja Perempuan

Raja Hussein

Dato' Bendahara

Dato' Menteri

Inang.

Tirai di-buka. Pemandangan di-bilek peraduan Sultan Melaka. Baginda sedang gering, berbaring di-atas geta peraduan-nya, di-hadapi oleh Dato' Bendahara, dan Dato' Menteri. Raja Perempuan bertelut di-sisi-nya dan di-belakang-nya Raja Hussein.

Sultan. Adoh.... Adinda-ku Raja Perempuan, sakit kekanda ini tidak akan betah-nya. Dato',

mari dekat kapada kami, kedua-dua. (Dato' Bendahara dan Dato' Menteri hampir ka-hadapan, mendekati Sultan lalu menyembah).

Sultan. (Perlahan-lahan dengan putus-putus suaranya) Dato', dunia ini telah lepas-lah rasa-nya daripada kami melainkan negeri akhirat samata-mata yang kami hadap. Beta per-tarohkan-lah anak beta Raja Hussein ini kapada Dato' kedua dan segala orang besar-besar sekalian ; ia-lah ganti beta kapada tuan. Jika barang suatu salah-nya hendak-lah di-ma'afkan oleh tuan-tuan sekalian kerana ia budak belum sampai 'akal, belum tahu 'adat ista 'adat.

Bendahara. (Menyembah) Ampun tuanku, patek sekalian ini berdo'a mudah-mudahan di-'afiatkan Allah Ta'ala kira-nya duli tuanku daripada sakit sa-kali ini. Jangan-Jah tuanku menyusahkan fikiran tuanku; ada pun saperti titah yang maha mulia itu sedia patek junjong.

Menteri. Daulat tuanku. Patek pun bagitu juga, tuanku. (Sultan memandang kapada Raja Hussein).

Sultan. Anak-ku Hussein, ka-mari. Hendak-lah kamu tahu, dunia ini tidak akan kekal ada-nya, yang hidup itu sedia akan mati juga sudah-nya. Iman yang sempurna dan pekerti yang baik itu-lah yang kekal di-sebut orang sa-lama-lama-nya. Hendak-lah engkau sabar, serta 'adil dan jangan tama' akan harta orang, kerana makan hak sa-sama Islam itu ter-lalu-

lah besar dosa-nya, tiada di-ampuni Allah Subha-nahu-wa-Ta'ala, melainkan dengan idzin tuan-nya. Hamba ra'ayat banyak ter-serah pada mu. Jikalau kesukaran bagi-nya hendak-lah engkau tolong. Segala perkara di-pereksa baik-baik, supaya di-akhirat kelak tiada di-beratkan Allah atas leher mu. Hendak-lah engkau sentiasa bermuafakat dengan orang besar-besar kamu, kerana raja itu jikalau bagaimana bijaksana-nya dan tahu-nya sa-kali pun jikalau tiada muafakat dengan segala pegawai-nya di-mana akan dapat ia melakukan bijaksana-nya. Dan lagi tiada sentosa kerajaan kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri-nya itu umpama kayu, jikalau tiada kayu di-manakan api itu bernyala. Hussein hendak-lah engkau ingat baik-baik segala wasiat ku.

Raja Hussein. (Sambil menangis ia menyembah) Tuanku. (Beberapa ketika kemudian, maka Sultan Mansur Shah pun mangkat-lah).

TUTUP TIRAI.

LAKUNAN IV

Ahli-ahli Pelakun.

Sultan Melaka (Raja Hussein)
Raja Perempuan-nya (Tun Nacha)
Dato' Bendahara
Dato' Menteri
Orang besar-besar lain. (Dua atau tiga orang)
Tun Isap
Tun Siak
Sa-orang inang.

Tirai di-buka. Pemandangan di-balai penghadapan Sultan Melaka. Sultan 'Alauddin Riayat Shah, begitu-lah gelaran Raja Hussein sa-telah menjadi raja di-Melaka, sedang duduk bersemayam dengan Raja Perempuan-nya Tun Nacha anak Seri Nara Di-Raja, di-hadapi oleh orang besar-besar-nya.

Sultan. Mama' Bendahara, kami berhutang budi kepada dato' dan kepada orang besar-besar sekalian atas nasihat dan tunjok ajar dato' semua untok beta menjalankan kewajipan beta sa-bagai sa-orang raja. Jikalau tidaklah dengan tunjok-ajar dato' haruslah ta' mampu beta memerintah negeri ini.

Bendahara. Daulat tuanku, ada pun akan patek sekalian ini ada-lah sedia hamba kepada tuanku dan menjalankan titah perintah tuanku. Sa-bagaimana kaseh dan ta'at patek sekalian kepada paduka ayahanda tuanku dahulu, begitu-lah juga kaseh dan ta'at patek kepada tuanku ini, tiada kurang-nya walau sedikit jua pun.

- Sultan. Beta bershukor kapada Tuhan ; dan kapada dato' sekalian beta ucapkan berbanyak terima kaseh atas pimpinan dato' yang amat berharga itu. Tidak-kah bagitu adinda ?
- R. Perem. Tuanku. Benar sangat kata kekanda itu. Tidak terbalas kita budi dato' sakelian. Kita serah-kan-lah kapada Allah akan membalas jasa-jasa itu.
- Sultan. Ya, adinda.
Mama' Bendahara, ada-kah apa-apa hal yang hendak kita bicharakan hari ini.
- Bendahara. Daulat tuanku, ada, tuanku, perkara yang mustahak, berkenaan dengan keamanan negeri Melaka tuanku. Dato' Menteri kita membawa khabar itu tuanku.
- Sultan. Jikalau bagitu, nanti-lah sa-bentar. (Beraleh memandang Raja Perempuan) Sila-lah masok ka-dalam dahulu adinda. Kekanda hendak bermashuarat panjang lebar dengan dato' kita.
- R. Perem. Bermohon-lah adinda ka-dalam sekarang kekanda. (Bangun lalu berjalan ka-luar di-iringi oleh dayang-dayang-nya.)
- Sultan. Dato' Menteri, apa-kah khabar-nya yang hendak dato' cheritakan itu ?
- Menteri. Ampun tuanku. Dalam dua tiga minggu ini penchuri-penchuria terlalu buas di-dalam negeri. Orang kehilangan barang-barang

tidak berhenti-henti lagi tiap-tiap malam. Puas-lah orang berjaga-jaga tetapi tidak juga tertangkap penchuri-penchuri itu, sa-olah-olah tahu ia ; di-sini orang berjaga di-sana ia menchuri, di-sana orang berjaga di-lain tempat ia menchuri. Bagitu-lah hal-nya tuanku.

Orang besar. Ampun tuanku, nyata-lah berita Dato' Menteri itu. Agak-nya ia memakai pelangkah, tuanku.

Sultan. Ada pula yang mengganggu ketenteraman negeri kita. Baik-lah. Beta hendak ka-luar sendiri menchari penchuri itu.

Bendahara. Daulat tuanku. Jangan bagitu tuanku. Perentahkan-lah panglima-panglima kita untok mengusir-nya tuanku.

Sultan. Tidak dato', ta' mengapa ; biar beta pergi sendiri. Beta berchadang mengajak Tun Isap dan Tun Siak sa-bagai teman. (Kapada Tun Isap dan Tun Siak) Apa kata tuan-tuan kedua.

Tun Isap. Patek bersetuju tuanku, bila-bila masa juga.

Tun Siak. Patek berasa megah, tuanku sudi berteman-kan patek. Bersetuju tuanku.

Sultan. Terima kaseh. Bila sampai masa-nya beta akan menjemput tuan-tuan ka-mari. (Tun Isap dan Tun Siak menyembah).

TUTUP · TIRAI.

LAKUNAN V.

Ahli-ahli Pelakun
Sultan Melaka
Tun Isap.
Tun Siak
Penchuri (Lima orang)

Tirai di-buka. Pemandangan pada suatu malam di-kota Melaka. Masok Sultan Melaka dengan Tun Isap dan Tun Siak, masing-masing berpakaian hitam dan berkeris di-pinggang.



Lima orang mengusong peti.

Sultan (Memandang ka-kiri kanan-nya). Mari kita bertunggu di-sini. Di-belakang pokok ini elok tempat-nya.

Tun Isap. (Mendengar) Suara orang tuanku.

Sultan. Ya. Itu dia, engkau lihat, satu, dua, tiga, empat, lima...lima orang, mengusong peti besar. PENCHURI agak-nya. Kalau tidak mengapa pula memikul peti malam-malam buta ini.

Tun Siak. Mereka menuju ka-mari, tuanku.

Sultan. Sess....
(Masok lima orang penchuri)

PENCHURI No. I. Letak peti ini dahulu. Berat betul, ya. Sa-kali ini kaya-lah kita; ta' payah lagi kita menchuri.

PENCHURI No.II. Betul kata engkau itu, Mat. Senang betul-lah kerja menchuri ini; lekas dapat kaya.
(Sultan Melaka dengan Tun Isap dan Tun Siak melompat ka-hadapan penchuri itu. PENCHURI-pENCHURI itu terkejut; tiga orang menchabut keris-nya hendak melawan tetapi belum pun sempat menikam telah di-tikam lebeh dahulu oleh baginda dengan pengiring-nya. Yang berdua lagi itu, lari tetapi di-usir oleh Tun Isap dan Tun Siak lalu di-tangkap mereka di-bawa ka-hadapan baginda. Mereka di-suroh memikul peti itu.)

Sultan. Nah, pikul peti ini; ikut aku.
Isap, Siak mari kita pulang.
(Mereka ka-luar).

TUTUP. TIRAI.



Belum sempat ia menikam di-tikam lebeh dahulu oleh baginda.

LAKUNAN VI

Ahli-ahli Pelakun
Sultan Melaka.
Raja Perempuan
Dato' Bendahara
Dato' Menteri
Orang besar-besar Melaka.
Tun Isap
Tun Siak
Inang (Dua orang)

Tirai di-buka. Pemandangan di-balai penghadapan Sultan Melaka. Sultan Alauddin sedang bersemayam dengan isteri-nya Raja Perempuan di-hadapi oleh orang besar-besar-nya).

Sultan. Mama' Bendahara, bagaimana-kah negeri kita dengan penchuri-penchuri itu ?

- Bendahara. Daulat tuanku, sudah hampir-hampir dua minggu tidak ada orang datang mengadu kehilangan apa-apa juga tuanku.
- Sultan. Dato' Menteri, ada-kah mendengar apa-apa pula ?
- Menteri. Tidak tuanku. Sungguh saperti kata Dato' Bendahara itu; barang-barang yang tertinggal di-luar rumah pada malam hari sa-kali pun tidak lagi di-churi orang. Dan lagi tuanku barang-barang yang di-dapati dari penchuri-penchuri itu sudah di-balekkan kapada yang punya-nya. Penchuri-penchuri semua sudah di-hukum penjara.
- Sultan. Bagus. Bagitu-lah hendak-nya dato.'
- Bendahara. Ampun tuanku, patek semua berasa bangga mempunyai sa-orang raja yang sangat mengambil berat di-dalam hal ikhwal negeri-nya supaya ra'ayat-nya hidup di-dalam aman. Patek sekalian, orang besar-besar Melaka serta hamba ra'ayat tuanku dari segala telok rantau Melaka ini akan mempertarohkan diri di-bawah naongan tuanku, dengan ta'at setia menjalankan titah perentah tuanku.
- Sultan. Terima kaseh dato:' bagitu-lah sa-baik-baik-nya. Bersama-sama-lah kita bekerja untuk keamanan negeri Melaka ini supaya menjadilah ia sa-buah negeri yang ramai penduduk-nya dari segala bangsa, bersatu padu di-dalam aman dan damai sa-lama-lama-nya.

TUTUP TIRAI.